



UniMAP



Kor SUKSIS UniMAP

MAJLIS MAKAN MALAM Kor SUKSIS UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Disempurnakan oleh -

**YDH. DATO' HJ. GHAZALI BIN MD. AMIN
SAC 1**

Ketua Polis Perlis

POLIS DIRAJA MALAYSIA



28 JUN 2010

DEWAN WARISAN, KANGAR, PERLIS



UniMAP



Kor SUKSIS UniMAP

MAJLIS MAKAN MALAM Kor SUKSIS UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

Disempurnakan oleh :

**YDH. DATO' HJ. GHAZALI BIN MD AMIN
SAC 1**

Ketua Polis Perlis

28 JUN 2010

DEWAN WARISAN, KANGAR, PERLIS



LAGU RASMI

WAWASANKU

Universiti Malaysia Perlis

Alam Kejuruteraan

Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan

Wawasan Jiwa Kita

Berdikari Rohaniah

Berteknologi

Pemimpin Berbestari

Untuk Bangsa, Insan dan Umat Dunia

Negara Yang Tercinta

Universiti Malaysia Perlis

Alam Kejuruteraan

Ilmu Keikhlasan Kecemerlangan

Wawasan Jiwa Kita

POLIS SEDIA BERKHIDMAT

Polis Sedia Berkhidmat

Kerana Negeri Dan Rakyat

Hidup Berbahagia Aman Sentosa

Polis Sedia Berkhidmat

Tanpa Lekat Di Lengan

Polis Dengan Pereman

Tangan Bersalaman

Alamat Persahabatan

Polis Sedia Berkhidmat

Kerana Negeri Dan Rakyat

Hidup Berbahagia Aman Sentosa

Polis Sedia Berkhidmat



TENTATIF MAJLIS

**MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA PERTAULIAHAN
KOR SUKSIS UniMAP 2010**


28 Jun 2010 (Isnin)

Dewan Warisan, Kangar, Perlis

- | | |
|-------------|---|
| 8.00 malam | - Ketibaan Ketua Jabatan dan Dekan UniMAP |
| 8.15 malam | - Ketibaan Dif-dif Jemputan |
| 8.30 malam | - Ketibaan Y.Bhg. Naib Canselor UniMAP dan Isteri |
| 8.45 malam | - Ketibaan YDH Ketua Polis Perlis dan Isteri |
| | - Lagu Negaraku dan WAWASANKU |
| | - Ucapan Aluan Y.Bhg. Naib Canselor UniMAP |
| | - Ucapan YDH Ketua Polis Perlis |
| | - Makan Malam Diiringi Persembahan |
| | - Penyampaian Hadiah dan Cenderahati |
| 11.00 malam | - Majlis Bersurai |
| Pakaian | : Batik |



SEKAPUR SIREH



**YANG DIHORMATI
DATO' HJ. GHAZALI BIN MD AMIN
SAC 1**

Ketua Polis Perlis

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Selawat dan Salam buat junjungan besar kita Nabi Muhammad S.A.W.

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah S.A.W kerana dengan keizinanNya Pelatih Kor Sukarelawan Polis Siswa / Siswi Universiti Malaysia Perlis Skuad 2007 dapat menjalani latihan dan telah ditauliahkan dengan jayanya. Dengan Pentaulahan ini diharap Kor SUKSIS UniMAP mempunyai kemampuan dalam aspek

akademik dan pembinaan sahsia diri agar menjadi seorang graduan yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi serta mampu menghadapi dugaan dan cabaran.

Di sini saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada UniMAP kerana telah berjaya menubuhkan Kor SUKSIS yang diterajui oleh Komandan Kor SUKSIS Prof Dr. Zul Azhar Bin Zahid Jamal, sokongan padu juga yang diberikan oleh Naib Canselor UniMAP, Y. Bhg. Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Bin Hussin telah memantapkan lagi perjalanan Kor SUKSIS dengan penyediaan prasarana yang lengkap. Walaupun penubuhannya baru berusia 3 tahun namun telah menghasilkan skuad pertama yang ditauliahkan sebagai Inspektor Kor SUKSIS. Saya percaya Kor SUKSIS UniMAP dapat bersaing dengan lain-lain IPTA yang wujud di negara ini. Walaupun kewujudan Kor SUKSIS sebagai salah satu kurikulum universiti, saya percaya ia dapat menjana mahasiswa/mahasiswi dengan ilmu pengetahuan dalam bidang undang-undang dan ilmu kepolisan.

Akhir sekali saya merayu kepada semua pegawai kehormat dan anggota Kor SUKSIS UniMAP agar sentiasa berusaha ke arah meningkatkan prestasi dan integriti Kor ini. Suburkan semangat setia kawan dan berpegang teguh kepada peraturan yang telah ditetapkan. Gunakanlah peluang yang ada untuk meningkatkan keupayaan diri dan pencapaian Kor SUKSIS agar kewujudan Kor SUKSIS dirasai dan mampu membantu UniMAP untuk mencapai kecemerlangan.

Syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada anggota Kor SUKSIS yang telah berjaya menerima tauliah tamat latihan.

Sekian, terima kasih.

Dato' Hj. Ghazali Bin Md Amin, SAC 1
Ketua Polis Perlis



SELAUT KASIH

**Y. BHG.
BRIG. JEN.
DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**
Naib Canselor, Universiti Malaysia Perlis

Bismillah Hirrahman Nirrahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh
dan Salam 1Malaysia

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan limpah kurniaNya, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) buat julung kalinya berjaya menyempurnakan Majlis Pertaulahan Kor Sukarelawan Polis Siswa Sisi (SUKSIS) 2010.

Syabas dan tahniah saya ucapan kepada 57 orang pelatih yang berjaya menempuh cabaran selama enam Semester (3 tahun) disusuli dengan kecekalan dan semangat juang yang tinggi seterusnya berjaya menamatkan latihan dengan cemerlang. Saya percaya apa jua tugas yang dilalui, harus dihadapi dengan tabah dan penuh bersemangat agar tugas tersebut dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna. Dalam melahirkan pelajar yang cemerlang bukan sahaja bergantung kepada kejayaan akademik semata-mata, tetapi kepada keupayaan pelajar memperkasakan disiplin diri bagi memiliki daya kepimpinan, etika dan nilai profesional yang tinggi untuk memenuhi pasaran kerja seterusnya menyumbang kepada kemajuan masyarakat serta pembangunan negara.

Sesungguhnya negara memerlukan generasi muda yang berdisiplin, penuh dedikasi dan mempunyai jati diri yang luhur untuk membangun dan memakmurkan ketamadunan bangsa yang kita miliki selaras dengan konsep "1Malaysia". Saya yakin dengan kerjasama yang erat pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), para pelatih SUKSIS mampu mencorak harapan murni ini serta melahirkan para pemimpin muda yang berdaya saing dan berwawasan tinggi.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada PDRM di atas kerjasama yang diberikan dalam mendidik anak bangsa menjadi insan berguna di masa hadapan. Semoga anda terus membina kecekalan, kegigihan, komited, disiplin dan jati diri untuk kecemerlangan agama, nusa dan bangsa.

Saya juga ingin merakamkan jutaan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa Pelaksana Majlis Pertaulahan Kor SUKSIS 2010 di atas kerjasama yang diberikan dalam merealisasikan majlis ini.

Sekian, Wassalam

"ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN"

BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
Naib Canselor, Universiti Malaysia Perlis



SEHALUS BUDI



Y. BHG.

ACP/KS PROFESOR

DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL

Komandan Kor SUKSIS, Universiti Malaysia Perlis

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah serta kurnia-Nya dapat saya mencoretkan sepatah dua kata sempena Majlis Pentauliahan Kor Sukarelawan Polis Siswa-Siswi (SUKSIS) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) 2010.

Terlebih dahulu izini saya merakamkan sekalung tahniah kepada 57 orang pelatih SUKSIS yang berjaya

menempuh pelbagai cabaran dan dugaan semasa dalam latihan sehingga berjaya ditutupkan. UniMAP berasa amat bangga dengan pencapaian para pelatih. UniMAP berasa bersyukur kerana berupaya melatih mahasiswa sehingga memiliki kemahiran dan daya kepemimpinan yang diperlukan masyarakat melalui program-program pembangunan modal insan seumpama ini.

Saya percaya Kor SUKSIS UniMAP berupaya menjadi wadah untuk membentuk sahsiah dan keterampilan diri para mahasiswa sehingga memiliki jati diri yang unggul. Penubuhan Kor SUKSIS ini merupakan satu lagi usaha UniMAP untuk membangunkan daya kepemimpinan yang terpuji dan menerapkan nilai-nilai mutu yang unggul dalam diri mahasiswa supaya mampu menjadi aset berguna kepada negara. Silibus yang dirancangkan dalam latihan SUKSIS bukan semata-mata menjadi pelengkap kepada aktiviti ko-kurikulum di universiti, tetapi merupakan proses latihan dan persediaan untuk menjadi seorang warganegara yang baik. Oleh sebab itu manfaatkanlah ilmu yang ditimba melalui program ini sepanjang hayat dan setelah bergraduat kelak taburkanlah bunga-bunga bakti dengan menyumbang kepada masyarakat dan tanah air secara berterusan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Polis DiRaja Malaysia (PDRM) atas sumbangan dan kegigihan melatih dan membentukkan para pelatih supaya menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Akhir coretan, syabas saya ucapan kepada semua Ahli Jawatankuasa Pelaksana yang terlibat menjayakan Majlis Pentauliahan Kor SUKSIS 2010 ini.

والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

"ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN"

ACP/KS PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Merangkap Komandan Kor SUKSIS, Universiti Malaysia Perlis

PEGAWAI KEHORMAT Kor SUKSIS UniMAP



ACP/KS 62005 PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
KOMANDAN



SUPT/KS 62001 DR. KHAIRUL NIZAR ISMAIL
TIMBALAN KOMANDAN



DSP/KS 62002 ZUBER H.J. MOHAMAD
AJUTAN



ASP/KS 62003 MOHAMAD NUZAIHAN MD. NOOR
PEGAWAI AKADEMIK



ASP/KS 62004 ROHAZITA BT. BAHARI
PEGAWAI LATIHAN

PEGAWAI & JURULATIH Kor SUKSIS UniMAP



ASP. G10471
HAJI MUSA HJ. OMAR



SM 67132
MERYAH BT. GHAZALI



SJN. 67862
MUHAMMAD PUZI HJ. WAHAB



SJN. 72970
KAMAL B. SHAARI



SJN. 88328
MOHD. SOBRI B. BAHROM



SJN. 108840
REDZWAN B. HASHIM



KPL. 94735
MOHD. HILMI HJ. AHMAD



KPL. 108429
AHMAD AKHIR B. JOHARI



KPL. 112692
ISMAIL HJ. AZUDDIN



KPL. 121972
ADAM B. ISHAK



KPL. 132454
HELEN AK SUDID



KONST. 165006
KHIRDAYU BT. KADERAN



LKPL. S 14665
AHMAD SHAHBUDIN ZAINUN



KONST. S 20445
MOHD. SHAMSURI MOHAMMAD



KAVITHA A/P PARAMASIVAM





PENUBUHAN Kor SUKSIS UniMAP

SEJARAH & PENGENALAN

UniMAP telah mendapat kelulusan penubuhan Kor SUKSIS daripada Y.Dihormati Tan Sri Musa Hassan , Ketua Polis Negara pada 17 Julai 2006. Lanjutan daripada kelulusan tersebut, UniMAP telah mengadakan mesyuarat kali pertama bersama PDRM pada 8 Mac 2007. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Y. Bhg. Prof. Dr. Ali Yeon Md Shakaff yang mewakili Naib Canselor dan Supt. Zainal Rashid Bin Adnan mewakili PDRM .

Justeru, UniMAP mengambil langkah proaktif dengan membuat perancangan dan persiapan fizikal mulai awal April 2007 di Blok 10 dan 12 , Kolej Tan Sri Aishah Ghani , Wang Ulu . Pada 4 Julai 2007 , pegawai – pegawai PDRM telah mengadakan taklimat pengenalan Kor SUKSIS kepada pelajar baru sidang Akademik 2007 / 2008 sempena Program Minggu Suai Kenal yang bertujuan untuk menarik minat pelajar untuk menganggotai Kor SUKSIS .

Hasil daripada temuduga tersebut seramai 63 orang pelajar dengan kekuatan 2 platoon yang terdiri daripada 44 lelaki dan 21 perempuan menyertai Kor SUKSIS. Bagi menjalankan urusan pentadbiran Kor SUKSIS seramai 10 anggota PDRM telah ditempatkan di Pejabat Kor SUKSIS UniMAP untuk melatih para pelajar . PDRM juga telah melantik seramai empat orang kakitangan di kalangan akademik dan pentadbiran untuk menjalankan perancangan Kor SUKSIS .



PELATIH Kor SUKSIS Skuad 2007



ILMU KEIKHLASAN KECEMERLANGAN

" TEGAS, ADIL & BERHEMAH "

PENCAPAIAN / ANUGERAH



JOHAN PERTANDINGAN KAWAD – KATEGORI BADAN BERUNIFORM (PELAJAR) // 2008
SEMPENA SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE - 51, PERINGKAT NEGERI PERLIS.

Honour

Kekhlaskan

Kecemerlangan



ANUGERAH Kor SUKSIS

Anugerah



ANUGERAH PELATIH TERBAIK KESELURUHAN

KS 34020 MOHD HAFIZUL BIN MOHD YUSOF



ANUGERAH PELATIH TERBAIK LATIHAN LUAR

KS 34061 RURYNEE BINTI ROSLAN



ANUGERAH PELATIH TERBAIK AKADEMIK

KS 34059 NURZATIL ISMAH BINTI MOHD ARIF

Honor

Keibklasan

Kecemerlangan



ANUGERAH Kor SUKSIS UniMAP



Anugerah

ANUGERAH AKADEMIK UNIVERSITI

ANUGERAH KEPIMPINAN SUKSIS

ANUGERAH SAHSIAH TERPUJI

ANUGERAH KHAS KOMANDAN (LELAKI)

ANUGERAH KHAS KOMANDAN (WANITA)

ANUGERAH SUKAN SUKSIS

Ilmu

Keikhlasan

Kecemerlangan





SERAUT IMPIAN ...



... MENGUKIR ...



.... SEJUTA KENANGAN





Rekabentuk & susunatur :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

<http://www.unimap.edu.my>

BIMAZLIM BIN BIDIN 0200445 / PEREKA